

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
TARIKH : 22.10.2015 (KHAMIS)

IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah laporan penjualan gajet elektronik tiruan yang telah diterima sepanjang tahun 2015 dan apakah bentuk hukuman yang telah dikenakan kepada peniaga yang menjual gajet tiruan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagai Kerajaan yang perihatin dan serius di dalam menangani kes penipuan barang tiruan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa mengambil usaha dan langkah untuk membendung penjualan dan pengedaran barang tiruan termasuk gajet elektronik yang semakin mendapat permintaan tinggi di pasaran.

Kementerian telah menerima pelbagai aduan berhubung dengan penjualan gajet elektronik tiruan dan berdasarkan kepada aduan-aduan yang diterima, pemeriksaan serta serbuan telah dijalankan ke lokasi-lokasi terbabit. Pada tahun ini sehingga bulan September 2015, sebanyak **78 tindakan kes** telah dihasilkan di seluruh negara yang mencecah jumlah **nilai rampasan** sebanyak **RM656,546.00**.

Sekiranya disabitkan dengan kesalahan, seseorang **individu** boleh dikenakan hukuman di bawah **Seksyen 8(2)(B), Akta Perihal Dagangan 2011**, iaitu denda tidak melebihi **RM10,000.00** bagi setiap barang yang diletakkan perihal dagangan palsu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi **3 tahun** atau kedua-duanya. Manakala sekiranya pesalah adalah Syarikat/Pertubuhan, hukuman ialah di bawah **Seksyen 8(2)(A), Akta Perihal Dagangan 2011**, iaitu denda tidak melebihi **RM15,000.00** bagi setiap barang yang diletakkan perihal dagangan palsu.

Kementerian sentiasa mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk melaporkan sebarang kegiatan penjualan gajet elektronik tiruan supaya tindakan segera dapat diambil terhadap pihak-pihak terbabit.